

Jawatankuasa pakar tentukan tahap kerosakan penambakan laut

— Dr. M

UM 17 OCT 2003
CYBERJAYA 11 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, jawatankuasa pakar bebas bagi mengkaji kesan penambakan laut oleh Singapura di Selat Johor akan menentukan tahap kerosakan akibat projek itu terhadap Malaysia.

Perdana Menteri berkata, kesan kerosakan terhadap kawasan maritim Malaysia akibat daripada kerja-kerja penambakan laut oleh Singapura di Tuas dan Pulau Tekong itu boleh dipastikan selepas jawatankuasa itu ditubuhkan tidak lama lagi.

“Kita perlu tubuhkan suruhanjaya atau jawatankuasa pakar ini untuk melihat sama ada kerja-kerja mereka itu merosakkan atau tidak,” tegasnya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran majlis penyelidikan InventQjaya Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Singapura semalam yang menyatakan tidak bersedia untuk menurut kehendak Malaysia supaya kerja-kerja penambakan itu dihentikan sehingga jawatankuasa pakar itu menyelesaikan kajian mengenai kesannya terhadap kawasan maritim Malaysia.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan Singapura wajar menagguhkan kerja-kerja penambakan sehingga jawatankuasa pemantau siap menilai kesan projek itu dan akur dengan membuat penyelarasan tertentu sekiranya jawatankuasa berkenaan mendapati ia menjejaskan negara ini.

Rabu lalu, Tribunal Antarabangsa Bagi Undang-Undang Laut (ITLOS) memutuskan Singapura boleh meneruskan kerja penambakan di Selat Johor dengan syarat projek itu diletakkan di bawah pemantauan sebuah jawatankuasa pakar bebas yang akan memberikan laporan mengenai sebarang perkembangan kepada Malaysia.

Malaysia meminta ITLOS mengarahkan kerja-kerja penambakan dihentikan selepas rundingan di antara kedua-dua negara gagal, sementara menanti kes itu dibawa ke Tribunal Timbang Tara.

Malaysia berhujah antara lain bahawa kerja-kerja penambakan di sekitar Tuas dan Pulau Tekong di Singapura itu menyebabkan kerosakan serius yang tidak dapat dipulihkan terhadap persekitaran maritim Selat Johor.